

20/07/1998

KPB Sadao ICD yakin catat perolehan RM7j

Hassan Omar in Sadao, Thailand

KPB Sadao ICD Co Ltd (KPB Sadao ICD), syarikat usaha sama Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) dengan seorang usahawan Thailand, yakin mampu mencatatkan perolehan dagangan RM7 juta dalam setengah tahun operasinya, bermula bulan lalu.

Jangkaan itu berdasarkan keyakinan peningkatan jumlah kontena yang dikendalikan di Depoh Pelabuhan Kontena Dalam (ICD) di Sadao, Selatan Thailand yang berhampiran dengan pintu sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Setakat ini, kontena yang dikendalikan di pintu sempadan berkenaan berjumlah 6,000 TEU (seunit kontena berukuran panjang 20 kaki). Ia dijangka meningkat berikutan mulanya operasi ICD berkenaan.

Naib Pengerusi KPB Sadao ICD yang juga Pengerusi Eksekutif Kumpulan KPB, Mirzan Mahathir berkata, dengan jumlah pelaburan awal RM26 juta oleh kedua-dua rakan niaga berkenaan, KPB Sadao ICD mampu mengendalikan pengurusan pemindahan kargo, pergudangan, jambatan timbang dan kargo bermuatan barangan berbahaya dan barangan mudah rosak.

"Menjelang akhir tahun ini, kami yakin mampu mencatatkan perolehan dagangan kira-kira RM7 juta," katanya selepas perasmian KPB Sadao ICD, di Sadao, Thailand, kelmarin.

Majlis itu disempurnakan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Turut hadir ialah Presiden Parlimen Thailand, Wan Muhamad Noor Matha serta rakan kongsi syarikat terbabit yang juga Pengerusi KPB Sadao ICD, Malee Wanasook.

KPB Sadao ditubuhkan di Thailand pada 26 Jun 1997 dengan modal berbayar 60 juta Baht (kira-kira RM6 juta). KPB memiliki 40 peratus ekuiti syarikat manakala bakinya dimiliki oleh Malee dan anggota keluarganya.

Pembinaan terminal depoh di kawasan seluas kira-kira 10.4 hektar itu dimulakan dua tahun lalu dan mula beroperasi 19 Jun 1998.

Terminal berkenaan turut menempatkan pusat pemeriksaan percukaian Jabatan Kastam Thailand.

Mirzan berkata, KPB Sadao yang berfungsi sebagai perantara perdagangan Pelabuhan Pulau Pinang dan Padang Besar, Perlis di selatan dengan Pelabuhan Bangkok di utara, bakal muncul sebagai antara penggerak utama kerjasama perdagangan antara Malaysia dengan Thailand di bawah konsep Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

"IMT-GT membabitkan penduduk kira-kira 23 juta orang dengan setengah daripadanya tinggal di wilayah Selatan Thailand seperti Yala, Songkhla, Narathiwat, Pattani dan Satun.

"Wilayah berkenaan adalah pengeksport utama getah, buah-buahan, makanan laut dan barangan perkilangan dan dengan adanya depot ini, jumlah import dan eksport kedua-dua negara dijangka meningkat," katanya.

(END)